



MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor yang memiliki Sijil-sijil berikut Sijil Pendaftaran Kontraktor Majlis Daerah Kota Tinggi, Sijil Pendaftaran Johor Centre For Construction Development (JCCD), Sijil Pendaftaran Sistem Satu Pendaftaran Kontraktor (SSPK) iaitu Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPKK) oleh CIDB ; Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB, Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK dan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam Gred dan Kategori yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja sebagaimana berikut:

BIL	TAJUK SEBUTHARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN
1.	KERJA-KERJA MEMBINA DEWAN TERBUKA DAN KERJA-KERJA BERKAITAN BAGI PUSAT PENEMPATAN KEKAL BENCANA (PPKB) DI TAMAN KOTA JAYA, KOTA TINGGI <i>(MDKT/JK/NADMA/2024/01)</i>	GRED G3 KAT / KOD : CE21	RM100.00
2.	KERJA MEMBINA KEMUDAHAN TANDAS DAN KERJA-KERJA BERKAITAN BAGI PUSAT PENEMPATAN KEKAL BENCANA (PPKB) DI ARENA SEGITIGA, JALAN LOMBONG, KOTA TINGGI <i>(MDKT/JK/NADMA/2024/02)</i>	GRED G3 KAT / KOD : CE21	RM100.00


Naskah sebutharga boleh disemak di pejabat *berkaitan pada waktu pejabat bermula pada 13 Jun 2024 (Khamis). Taklimat dan lawatan tapak bagi projek ini adalah **DIWAJIBKAN** dan wakil adalah tidak dibenarkan. Taklimat dan lawatan tapak akan diadakan pada 13 Jun 2024 (Khamis), Jam 9.00 pagi dan pendaftaran ditutup pada jam 10.30 pagi bertempat di Dewan Mesyuarat, Aras 1, Majlis Daerah Kota Tinggi.

Dokumen tawaran sebutharga boleh dimuat turun dalam Portal ePerolehan MDKT <http://eperolehan.mdk.gov.my> mulai 14 Jun 2024 (Jumaat) sehingga 24 Jun 2024 (Isnin) selepas pembayaran dibuat. Pembayaran hendaklah dalam bentuk Bayaran Secara atas talian melalui eKhidmat, wang tunai, Draf bank atau kiriman wang di atas nama **Majlis Daerah Kota Tinggi**.

Dokumen tawaran sebutharga yang tidak mempunyai 'barcode' adalah tidak sah dan tidak akan diterima. Dokumen tawaran sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan kedalam peti sebutharga di Pejabat Majlis Daerah Kota Tinggi dengan menggunakan sampul surat bermeteri. Tarikh tutup sebutharga adalah pada 24 Jun 2024 (Isnin) jam 12.00 tengahari.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"SEDIA MEMBANTU MUDAH URUSAN"

Saya yang menjalankan amanah,



MOHAMMAD NAZRUL BIN ABD RAHIM
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kota Tinggi



Tarikh Iklan : 10 Jun 2024

Salinan untuk pameran ; 1. PDKT 2. JPSKT 3. JKRKT